

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**MANIFESTASI BUDAYA PERADABAN MELAYU DALAM
NOVEL KASYAF AIN: SUATU APLIKASI TEORI
PENGKAEDAHAN MELAYU**

*MANIFESTATIONS OF MALAY CIVILIZATION CULTURE IN THE NOVEL
KASYAF AIN: AN APPLICATION OF PENGKAEDAHAN MELAYU THEORY*

Norazilah Buhari^{1*}, Nor Azlili Hassan², Nik Norazira Abd Aziz³, Mohd Syuja Saedin⁴

¹ Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: norazilah@utar.edu.my

² Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: azlili@utar.edu.my

³ Department of Game Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: niknorazira@utar.edu.my

⁴ Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: syuja@utar.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 05.06.2022

Published date: 22.06.2022

To cite this document:

Buhari, N., Hassan, N. A., Abd Aziz, N. N., & Saedin, M. S. (2022). Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel *Kasyaf Ain*: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 192-208.

DOI: 10.35631/IJLGC.728014.

Abstrak:

Novel merupakan salah sebuah medium karya sastra untuk menonjolkan sesebuah gagasan atau idea pemikiran pengarangnya. Antara persoalan penting yang ditonjolkan adalah mengenai budaya peradaban sesebuah masyarakat termasuklah budaya Melayu. Bukan sekadar nilai estetika yang diutamakan sebaliknya kepentingan isi dalam pembentukan modal insan dan pendidikan tidak diabaikan. Novel *Kasyaf Ain* (2018) karya Ramlee Awang Murshid dipilih sebagai bahan kajian kerana memaparkan tradisi budaya peradaban masyarakat Melayu dengan persekitarannya. Kepelbagaian teknik seperti dialog, monolog, imbas kembali dan perlambangan telah digunakan oleh pengarang secara kreatif untuk mengolah dan mengetengahkan persoalan kepercayaan, konsep keimanan, amalan nilai-nilai murni dan tradisi masyarakat Melayu dalam novel ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana faktor persekitaran digarap bagi mengetengahkan persoalan kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam karya ini berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu (TPM) yang dicetuskan oleh Hashim Awang (2002). TPM diaplikasikan sebagai kerangka kajian ini bagi mengesahkan bahawa teori ini dapat dijadikan sandaran untuk membuktikan manifestasi budaya peradaban masyarakat Melayu dalam novel ini. Justeru itu, budaya peradaban Melayu dalam novel ini akan dianalisis menerusi pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan menerusi TPM. Kaedah

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kajian kualitatif ini adalah berbentuk analisis kandungan dan budaya peradaban Melayu ini akan dianalisis melalui setiap bab dalam novel untuk memperlihatkan manifestasi tersebut. Dapatan kajian ini mendapati novel *Kasyaf Ain* memperlihatkan faktor persekitaran seperti alam sekitar, kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam kehidupan membentuk kepada cara hidup dan budaya peradaban masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi tetap terikat dengan kepercayaan dan amalan tradisi yang menentukan corak kehidupan mereka. Intihannya, novel ini mampu menjadi alat untuk mengembangkan pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat, khususnya generasi muda mengenai budaya peradaban masyarakat Melayu secara intelektual dan praktikal.

Kata Kunci:

Budaya, Melayu, Novel, Peradaban, Teori Pengkaedahan Melayu

Abstract:

A novel is one of the mediums of literary works to highlight an idea of the author's thoughts. Among the important questions that are highlighted is about the culture of a society's civilization, including Malay culture. It is not just aesthetic values that are given priority but the importance of content in the formation of human capital and education is not ignored. The novel *Kasyaf Ain* (2018) by Ramlee Awang Murshid was chosen as the study material because it displays the cultural tradition of the Malay civilization and its environment. A variety of techniques such as dialogue, monologue, flashback and symbolism have been applied by the author creatively to process and highlight the question of faith, the concept of piety as well as the practice of noble values and traditions of the Malay community. In this regard, this study aims to see how environmental factors are worked to highlight the question of beliefs and traditional values in this novel based on the *Pengkaedahan Melayu* theory proposed by Hashim Awang (2002). The *Pengkaedahan Melayu* theory is applied as the framework of this study to confirm that this theory can be used as a basis to prove the cultural manifestations of Malay civilization in this novel. Thus, the culture of Malay civilization in this novel will be analyzed through worldly and religious techniques based on the *Pengkaedahan Melayu* theory. This qualitative research method is implemented using content analysis and the culture of Malay civilization will be analyzed through each chapter in the novel to show the manifestation. The findings found that *Kasyaf Ain* shows that the environmental factors such as the environment, beliefs and traditional values in life shape the way of life and culture of the Malay civilization. The Malay community adheres to Islamic teachings but remains bound by the traditional beliefs and practices that determine their way of life. In short, this novel can be a medium to develop knowledge and education, about the culture of Malay civilization intellectually and practically, to the community, especially the younger generation.

Keywords:

Culture, Malay, Novel, Civilization, *Pengkaedahan Melayu* Theory

Pengenalan

Novel merupakan salah satu instrumen karya sastra dalam membangunkan perkembangan dunia sastra yang tidak boleh dinafikan. Penghasilan sesebuah karya merupakan luahan

fikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan alam persekitarannya yang diadun bersama pengalaman dengan daya kreativiti, imaginasi dan wawasannya (Che Abdullah Che Ya, 2018). Penulisan novel merupakan plot cerita yang berkait rapat dengan situasi dan menyerlahkan warna-warni kehidupan dunia sebenar, sementelahan inti sarinya adalah fenomena kehidupan yang berkait dengan manusia, haiwan dan makhluk ghaib. Persoalan atau fenomena sosial sesebuah masyarakat dapat dijelaskan secara terperinci melalui penulisan novel. Hassan Shadily (1984) mendefinisikan fenomena sosial sebagai kenyataan mengenai masyarakat yang merangkumi ikatan-ikatan adat, kebiasaan, kepercayaan atau agamanya, tingkah laku serta keseniannya atau yang disebut kebudayaan yang meliputi segala segi kehidupannya.

Perbincangan tentang amalan atau budaya akan merangkumi tingkah laku yang dilakukan oleh anggota sesebuah masyarakat, sama ada secara individu atau berkumpulan pada sesuatu masa tertentu. Segala bentuk amalan yang dilakukan secara berterusan dalam kehidupan akhirnya akan menjadi budaya. Budaya dan kehidupan sosial dalam sesebuah masyarakat dikaitkan dengan amalan serta kepercayaan yang bersifat keagamaan dan juga kepercayaan-kepercayaan khurafat atau tahyul yang masih menjadi amalan hingga hari ini (Ramli, 1997). Namun, kepercayaan dan amalan khurafat ini ternyata bertentangan dengan ajaran Islam yang suci. Budaya juga meliputi semua tingkah laku manusia yang bermula dengan penggunaan simbol seni, kepercayaan dan agama yang mempunyai pengertian tertentu dan sering berubah dari masa ke masa mengikut kesesuaian keperluan masyarakat dan persekitarannya.

Kebudayaan merupakan elemen utama dalam membentuk kesejahteraan dan keharmonian dalam kehidupan. Menurut Norazlina M.Kiram (2017) nilai budaya merupakan satu bentuk pemikiran masyarakat berkenaan sesuatu nilai mulia yang dijadikan orientasi dan rujukan dalam tindakan dan pertuturan. Justeru, perbincangan tentang budaya akan merangkumi tingkah laku yang dilakukan oleh anggota sesebuah masyarakat, sama ada secara individu atau berkumpulan pada sesuatu masa tertentu. Budaya juga menyentuh semua tingkah laku manusia yang bermula dengan penggunaan simbol seni, kepercayaan dan agama yang mempunyai pengertian tertentu yang sering berubah dari masa ke masa sesuai dengan keperluan masyarakat dan persekitarannya. Secara dasarnya, tradisi merupakan sesuatu kebiasaan (adat, kepercayaan, dan sebagainya) yang kekal turun-temurun dan sudah menjadi amalan yang sebatian dengan sesuatu masyarakat (golongan/kumpulan) (Norazlina M.Kiram, 2017). Tradisi juga ada perkaitannya dengan budaya. Menurut Kamus Dewan (2016) budaya dikatakan sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, dan akal budi. Manakala istilah “kebudayaan” pula ditakrifkan sebagai corak kehidupan sesuatu masyarakat yang merujuk kepada keseluruhan cara hidup manusia, cara bertindak, berkelakuan, berfikir dalam semua bidang melibatkan akal budi dan daya usaha mereka serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat.

Novel digunakan untuk melihat keseluruhan cara hidup yang meliputi kelakuan, kebudayaan dan kepercayaan sesebuah kelompok masyarakat. Hal ini kerana hanya melalui hasil karya masyarakat lain dapat mengetahui kejadian yang berlaku dalam masyarakat yang lainnya (Che Abdullah Che Ya, 2018). Pengarang juga mengaitkan lingkungan sosialnya dan alam persekitarannya dalam mencipta sesebuah hasil karya. Oleh itu, kajian ini ditulis adalah untuk melihat bagaimana faktor persekitaran digarap bagi mengetengahkan persoalan kepercayaan dan nilai-nilai tradisi diterjemahkan secara langsung oleh pengarang di dalam novel ini. Secara tidak langsung, kelompok pembaca dapat melihat cerminan masyarakat yang wujud dan memahami maksud yang disampaikan oleh pengarang melalui karyanya.

Salah satu novel yang menggarap mengenai budaya peradaban Melayu adalah novel *Kasyaf Ain*. *Kasyaf* merupakan etimologi Arab. Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) mendefinisikan *Kasyaf* sebagai penyingkapan rahsia alam ghaib melalui kalbu dan *Ain* sebagai mata. Pemilihan novel tersebut didasari oleh beberapa alasan. Sebelum memilih, penyelidik telah membaca novel tersebut. Dari pembacaan tersebut, penyelidik menemui budaya peradaban Melayu yang meliputi hubungan manusia dengan dirinya, hubungan manusia dengan Tuhan, dan hubungan manusia dengan masyarakat. Novel karya Ramlee Awang Mursyid tersebut secara jelas mengangkat kisah kehidupan masyarakat Melayu. Novel ini juga menggambarkan tingkah laku masyarakat Melayu dalam kehidupan sehariannya yang mencerminkan nilai-nilai budaya masyarakat Melayu. Ini menjadi keunikan bagi novel *Kasyaf Ain* sehingga penyelidik tertarik untuk meneliti novel ini bagi mengetahui nilai-nilai budaya peradaban Melayu yang terkandung di dalamnya. Novel *Kasyaf Ain* (2018) dipilih sebagai bahan kajian kerana novel ini memperlihatkan cara hidup dan nilai tradisi budaya masyarakat Melayu yang diterjemahkan dalam pelbagai pendekatan.


Analisis kajian ini dilakukan untuk melihat aspek budaya yang digarap oleh pengarang novel menerusi gagasan pemikiran dan kreativitinya dalam karya sebagai cerminan sosial yang ada kaitannya dengan masyarakat diluarnya. Realiti yang digambarkan bukanlah sesuatu yang berdiri sendiri tetapi bergantung kepada ‘penglihatan’ pengarangnya yang akan menjadi lebih indah atau sebaliknya (Umar, 1989). Karya yang bertanggungjawab akan berlandaskan aspek-aspek tertentu tentang keperihalan kemanusiaan, baik secara langsung mahupun secara tersirat dan berlapis maknanya (Shahnon, 1994). Hubungan ini dapat memperkukuhkan unsur realiti dalam karya sangat berkait dengan hubungan kehidupan manusia. Hal ini menunjukkan adanya hubungan karya dengan masyarakat di luarnya, membolehkan kita memahami kehidupan manusia melalui pancaindera dan kematangan berfikir (Elizabeth & Tom Burns, 1973). Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang manifestasi budaya peradaban Melayu yang mencerminkan cara, sikap hidup dan kepercayaan masyarakat yang menjadi amalan dalam kehidupan dalam novel *Kasyaf Ain*.

Sorotan Literatur

Kajian berkaitan dengan aspek warisan budaya Melayu dalam novel bukan sesuatu yang baru, malah sudah ada kajian yang telah dibuat dengan berteraskan pelbagai genre sastera termasuklah novel. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Nor Aini Hj. Ahmad (1998) adalah berfokuskan kepada unsur-unsur tradisi lisan yang terkandung dalam karya Noordin Hassan yang banyak menyentuh tentang penggunaan dialek, onomatopia, bahasa bertingkat dan puisi seperti pantun dan syair. Kajiannya adalah berdasarkan kebudayaan yang terbentuk dari aspek agama, kepercayaan, ekonomi dan susunan sosial masyarakatnya. Selanjutnya, kajian dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti yang dilakukan oleh Norazlina Mohd Kiram (2009) yang melihat konsep budaya malu dalam kalangan masyarakat Melayu melalui novel *Saga*. Manakala kajian oleh Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2017) pula berdasarkan novel *Nenek* karya Razali Endun. Hasil kajiannya menyentuh mengenai tatacara perhubungan dalam masyarakat, kekeluargaan, kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat. Tambahan lain adalah kajian oleh Che Abdullah Che Ya (2018) yang berkaitan manifestasi kehidupan masyarakat dalam novel *Bedar Sukma* karya Faisal Tehrani. Kajian beliau mendapati realiti kehidupan masyarakat Melayu sangat bergantung kepada alam, baik sebagai sumber inspirasi mahupun ekonomi. Selain itu, masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi masih terikat kepada kepercayaan dan amalan tradisi khususnya tentang firasat, tanda dan mimpi.

Masyarakat Melayu memiliki sifat-sifat yang unik, kreatif dan akrab dengan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan. Kepekaan dan sensitiviti terhadap segala kejadian di sekeliling dan sekitar mereka, maka terhasillah karya-karya sastera dan seni yang halus dan indah. Oleh itu, sastera Melayu perlu dikaji dengan pengkaedahan tersendiri supaya sifat dan ciri-ciri estetika tersebut tidak hilang (Che Abdullah Che Ya, 2018). Pengkaedahan Melayu dikemukakan berdasarkan cara dan sikap hidup, nilai-nilai tradisi, kepercayaan dan kebudayaan setempat iaitu masyarakat Melayu yang berpaksikan agama Islam dan dipengaruhi oleh alam dalam melahirkan karya-karya tersebut.

Teori Pengkaedahan Melayu yang dibina oleh Hashim Awang (2002) telah dibahagikan kepada dua pengkaedahan iaitu *pengkaedahan alamiah* dan *pengkaedahan keagamaan* yang fungsinya saling berkaitan antara satu sama lain. Ini dapat dijelaskan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu (diubahsuai daripada Hashim Awang, 1994a)

Pengkaedahan alamiah adalah berteraskan kepada sikap dan cara hidup masyarakat Melayu itu sendiri yang menjadikan alam sebagai sebahagian diri dan kehidupan. Melalui pengkaedahan ini, ia dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, moral dan firasat. Pendekatan gunaan berdasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam, iaitu objek daripada ciptaan manusia. Oleh yang demikian, sastera perlu dilihat kejadiannya sebagai mempunyai sebab, hikmah, tujuan dan fungsi tertentu. Ini boleh dinilai dari segi penyampaian persoalan isi dan strukturnya dalam sastera tersebut. Manakala pendekatan moral menyatakan sastera mengandungi pengalaman hidup yang dapat memberi pengajaran kerana mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan dan berkisar pengalaman ilmu-ilmu yang boleh diambil atau diteroka dalam karya sastera. Pendekatan firasat sama seperti pendekatan moral ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup, namun dikaitkan dengan mimpi yang memerlukan proses takbir dan taksiran. Ianya merupakan satu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya.

Pengkaedahan keagamaan pula berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan agama Islam. Al-Quran dan hadis adalah sumber rujukan yang paling besar. Pembentukannya adalah bersandarkan tujuan menyerlahkan sifat-sifat keagungan dan kebesaran Allah melalui sastera

supaya dapat mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Tiga pendekatan yang saling berhubungan iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni. Pendekatan dakwah melihat sastra sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan kepada pencipta-Nya serta mengukuhkan keimanan dengan memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurnian agama Islam. Pendekatan masyarakat pula menganggap karya sastra sebagai alat pendedahan segala persoalan yang berlaku dalam masyarakat yang bertujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Manakala pendekatan seni digunakan untuk menilai dan memfokuskan unsur-unsur keindahan karya sastra yang berlandaskan nilai-nilai etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam.

Kajian novel yang mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bukan sesuatu yang baru, malah sudah ada kajian yang telah dilakukannya. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Jumali Hj Selamat (2009) yang mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam novel *Menjaras Ribut* menerusi pendekatan dakwah. Kajian beliau berfokuskan kepada persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah dan Islam, justeru persoalan agama seperti kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai Islam, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam diperolehi hasil daripada kajian tersebut. Pendekatan dakwah turut digunakan dalam kajian yang dilakukan oleh Nadiah Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) yang melihat aspek dakwah dalam novel *Suriati*, kajian oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker dan Farra Humairah Mohd (2020) dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* oleh Osman Ayob dan kajian analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I oleh Osman Ayob, Roslan Chin dan Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Kajian mereka berfokus kepada persoalan dakwah berpaksikan kehidupan orang-orang Melayu yang kaya dengan akal budi dan tatasusila hidup.

Selain itu, kajian Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016) berkaitan alam dan budaya masyarakat Melayu dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka*, berkisar kisah kehidupan binatang di rimba dan lautan turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian tersebut memperlihatkan aspek interaksi sosial dan proses sosial antara alam dan masyarakat Melayu yang disampaikan secara ironi, sinisme dan sarkasme. Selanjutnya, kajian dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti yang dilakukan oleh Che Abdullah Che Ya (2018) yang berkaitan kehidupan masyarakat Melayu dalam novel *Bedar Sukma* karya Faisal Tehrani. Kajian beliau mendapati realiti kehidupan masyarakat Melayu sangat bergantung kepada alam, baik sebagai sumber inspirasi mahupun ekonomi. Selain itu, masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi masih terikat kepada kepercayaan dan amalan tradisi khususnya tentang firasat, tanda dan mimpi.

Kajian Teori Pengkaedahan Melayu tidak terhad kepada kajian novel sahaja malahan juga dalam genre sastra yang lain seperti puisi dan pantun. Johari Yahya (2015) telah menulis kajian mengenai pantun peribahasa Melayu yang dianalisis daripada perspektif Teori Pengkaedahan Melayu. Manakala kajian yang dilakukan oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) turut menggunakan teori ini untuk melihat jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman. Jati diri Melayu dilihat daripada tiga aspek iaitu Bahasa Melayu, agama dan budaya. Selain itu, Pg Hj Yakup Pg Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) turut mengkaji sajak-sajak Badarudin H.O, seorang penyair Brunei yang bertemakan ketuhanan melalui pendekatan dakwah. Penggunaan bahasa yang lembut dalam sajak-sajak tersebut mengandungi unsur dakwah yang kebanyakannya memaparkan kebesaran dan keagungan Allah SWT.

Metodologi

Kajian ini berbentuk deskriptif kualitatif dan dilakukan secara analisis kandungan untuk meneliti manifestasi budaya peradaban Melayu dalam novel *Kasyaf Ain* karya Ramlee Awang Murshid. Novel ini berkonsepkan *psycho-thriller*, mempunyai 42 bab, berjumlah 399 halaman, mula dijual di pasaran atas talian pada Oktober 2018 dan merupakan naskah sulung terbitan RAM Typewriter. Kajian novel ini dimulakan dengan sorotan literatur dari Mac hingga Mei 2020 dan analisis kandungan dari Jun sehingga September 2020. Novel ini dipilih kerana memperlihatkan manifestasi budaya peradaban masyarakat Melayu yang dapat dijadikan medium pendidikan dan pengetahuan kepada masyarakat. Penyelidik turut melihat kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berfokuskan kepada kebudayaan Melayu dalam karya-karya sastera. Justeru, kajian ini seterusnya mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang dibina oleh Hashim Awang berpandukan kepada pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan dalam menganalisis budaya peradaban Melayu di dalam novel ini.

Dapatan Dan Analisis

Umumnya, terdapat banyak budaya peradaban Melayu yang diterapkan dalam penulisan novel. Kajian ini akan menganalisis manifestasi budaya peradaban Melayu dipersembahkan melalui pendekatan-pendekatan yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

(A) Pendekatan Alamiah

Berdasarkan kepada tiga jenis pendekatan iaitu pendekatan guna, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

Pendekatan Gunaan

Pendekatan ini menganggap bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam, iaitu objek ciptaan manusia dan fungsi utama ciptaannya adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Maka, sastera harus dilihat kejadiannya sebagai mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Budaya peradaban masyarakat Melayu sangat bergantung kepada alam yang banyak menentukan corak kehidupan mereka. Menurut Hashim Awang (2002), kebergantungan masyarakat Melayu pada alam boleh dilihat dengan jelas dalam kitab Tajul Muluk yang dijadikan panduan oleh masyarakat Melayu tradisi. Kitab ini memperlihatkan cara dan sikap hidup masyarakat Melayu dan kita boleh memanfaatkan sebagai satu kaedah menilai karya sastera. Sebagaimana semua unsur alam yang wujud memiliki fungsi dan manfaat yang khusus terhadap manusia, maka sastera pun dilihat sebagai suatu unsur alam yang kejadiannya juga mengarah perspektif yang sama (Che Abdullah Che Ya, 2018). Berdasarkan pendekatan ini, manifestasi budaya masyarakat Melayu ditonjolkan oleh pengarang dengan memperlihatkan keakraban manusia dengan alam dari aspek perubahan. Contohnya seperti petikan data berikut:

Alam dari aspek perubahan	<i>Kemudian dua beranak itu pun menggali sebuah lubang memanjang yang mengunjur membulat mengelilingi pondok. Selajur Mansur pun meletakkan garam bukit yang digauli lada hitam ke dalam itu. Memagari kawasan kecil itu. (hlmn 10)</i>
	<i>Di lantai kelihatan mayat seorang wanita terbaring kaku dalam satu lingkaran ritual, iaitu serbuk campuran garam bukit dan lada hitam dalam bentuk mengepung. (hlmn 19)</i>

Penggunaan herba berasaskan tumbuh-tumbuhan seperti lada hitam dan garam bukit digunakan sebagai bahan utama dalam penceritaan ini. Setiap herba ini mempunyai manfaat dan fungsinya dalam kehidupan masyarakat Melayu sebagai perubatan. Menurut Mat Rofa Ismail (2012), ilmu perubatan tradisi Alam Melayu kaya dengan khazanah herba etnobotani sama ada melibatkan tumbuh-tumbuhan liar atau tumbuh-tumbuhan yang ditanam. Khazanah herba ini menjadi sebahagian sumber perubatan Melayu dan digunakan untuk merawat beberapa jenis penyakit. Lada hitam digambarkan sebagai salah sumber perubatan di dalam novel ini yang diadunkan dengan bahan lain sebagai ramuannya dan berupaya memberi manfaat kepada kehidupan.

Daripada perspektif yang berbeza, novel Kasyaf Ain ini banyak memperlihatkan cara dan sikap hidup masyarakat Melayu tradisional yang tidak dapat dipisahkan dengan alam seperti unsur cakerawala. Cakerawala dilihat harmonis dengan bahagian-bahagian mempunyai tempat dan fungsinya tersendiri. Perjalanan hari dan waktu dilihat sebagai teratur membentuk kehidupan masyarakat Melayu untuk meneruskan aktiviti kehidupan. Contohnya seperti data di bawah:

Alam dari aspek cakerawala	<i>Menjelang sepertiga petang, Mansur memutuskan untuk bermalam di sebuah kawasan dalam kancah rimbunan hijau pokok-pokok kayu keras yang tumbuh melata.</i> (hlmn 9)
	<i>Pada akhir garisan, pertukaran malam dan siang, Liau Gantua mengunjungi pohon besar yang berjuntai-juntai akarnya. Di situ dia berteleku bagaikan orang rindu. Sejak kejadian beberapa malam kelmarin, Suaka enggan muncul lagi menemuinya.</i> (hlmn 202)
	<i>Suatu hari ketika matahari beranjak sepertiga di langit bumi, usai mereka bertiga mengerjakan solat Dhuha secara bergilir di dalam perahu, Pak Kiai mengajak mereka berbual-bual dengan penuh keprihatinan.</i> (hlmn 257)

Berdasarkan data di atas, pengarang memanifestasikan pendekatan guna dengan melihat gambaran alam yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu melalui ilmu falak. Ilmu falak merupakan penanda atau penentu waktu dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional yang perlu dilestarikan oleh generasi kini (Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven, 2016). Pemilihan diksi menerusi ungkapan *sepertiga petang* sinonim dengan waktu senja dan *matahari beranjak sepertiga di langit bumi* sinonim dengan waktu tengah hari, menjelaskan fenomena pergerakan matahari sebagai panduan penentuan dan berakhirnya waktu solat. Manakala diksi *pada akhir garisan pertukaran malam dan siang* mengungkapkan petanda sebelum bermulanya waktu siang. Hubungan masyarakat Melayu dengan alam sangat rapat dan menjadikan setiap unsur alam sebagai sebahagian nilai budaya masyarakat Melayu.

Pendekatan Moral

Pendekatan moral timbul daripada tanggapan bahawa sastera dianggap sebagai objek alam, juga merupakan suatu kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Pengalaman terdiri daripada dua perkara penting iaitu pertama, tentang peristiwa yang dilalui manusia dan kedua, maklumat yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitaran mereka. Perlakuan manusia tersebut dapat dinilai aspek positif atau negatifnya untuk dijadikan contoh teladan dan batas sempadan (Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud, 2017). Moral dalam konteks ini

bermaksud, dalam sesuatu karya perlu didasari pengalaman pengarang yang mengandungi ilmu pengetahuan. Novel Kasyaf Ain banyak memaparkan kisah yang boleh dijadikan pengajaran daripada watak, perwatakan, dan suasana persekitaran yang ditampilkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat daripada garapan data di bawah:

Pengajaran dari watak	<i>Menjelang petang, barulah datuk penghulu muncul bersama Liau Gantua, orang pandai di kampung ini. Lelaki ini merupakan seorang dukun. Kejaguan ilmu jampi serapahnya memang tak ada bandingannya. dianggap benteng pengampuh di antara alam nyata dan ghaib.</i> (hlmn 5-6)
	<i>“Apakah sarananmu untuk mengendalikan permasalahan ni, Jinah?” tanya Jais. “Pergilah ke kampung sebelah. Minta pertolongan Dukun Liau Gantua,” ujar Jinah.</i> (hlmn 48)

Peranan bomoh ditonjolkan sebagai salah seorang pakar perubatan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Malahan, segolongan penduduk Kampung Lembah Beringin masih berpegang teguh kepada kepercayaan perbomohan dalam menghadapi masalah gangguan mistik. Amalan ini turut menjadi suatu budaya dalam masyarakat Melayu kerana kebanyakannya bergantung kepada keyakinan dan kepercayaan yang dikaitkan dengan unsur mistik dan keajaiban yang diterima secara warisan atau turun-temurun (Norazilah, Nor Azlili & Nik Norazira, 2022). Watak bomoh bernama Liau Gantua di dalam novel ini jelas menggambarkan manifestasi sebahagian masyarakat Melayu yang masih bergantung harap dengan khidmat perbomohan. Hal ini terbukti apabila masyarakat kampung mempercayai apa jua yang diperkatakan oleh Liau Gantua mengenai punca ‘jembalang’ mengganggu keamanan kampung mereka dan kepercayaan ini disokong sepenuhnya oleh sebahagian penduduk kampung tersebut. Perwatakan Liau Gantua sebagai bomoh handalan dan mempunyai kuasa kerana bersekutu dengan kuasa ghaib merupakan tindakan yang menyimpang dengan budaya peradaban masyarakat Melayu. Ini dapat ditonjolkan dalam contoh di bawah:

Pengajaran dari perwatakan	<i>Dalam kesunyian suasana Pawana, Liau Gantua mendatangi lagi pohon besar ini. Mulutnya berkumat kamit meratib jampi serapah. Dia kesurupan memuja Suaka. Cuma makhluk itu sahaja tidak menjelma. Walhal adab memuja yang diratibkan Liau Gantua bukan sembarangan. Ia ilmu paling tinggi dalam dunia kegelapan.</i> (hlmn 220)
----------------------------------	---

Analisis ini menggambarkan kepercayaan terhadap budaya tradisional dan karut masih menjadi sebahagian amalan kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam sistem perubatan tradisional Melayu yang merupakan khazanah warisan perubatan nenek moyang silam yang sangat berharga kepada generasi pada masa kini. Realiti pada hari ini ialah masyarakat Melayu lebih selesa untuk mendapatkan rawatan di hospital moden. Namun, tidak dinafikan masih lagi terdapat dalam kalangan masyarakat yang cenderung untuk mendapatkan perkhidmatan bomoh khususnya bagi merawat penyakit-penyakit yang tidak kritikal. Dalam konteks perbomohan pula, para pengamal perubatan tradisional perlu berhati-hati dalam memastikan bahawa setiap

amalan yang dilakukan untuk merawat pesakit perlu bebas dan suci daripada elemen-elemen yang boleh mengundang kepada unsur-unsur syirik.

Pengarang menggunakan pendekatan moral ini untuk mengajak pembacanya mengelakkan diri dan menjauhi gejala ini daripada terus merebak dan diamalkan dalam kehidupan. Bertindak berani dalam mengetengahkan fakta dan menjelaskan hukum agama bagi menegakkan kebenaran supaya masyarakat terhindar daripada kepercayaan karut dan perkara khurafat dalam novel ini dapat memberikan pendidikan dan penerapan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Ini dapat dilihat melalui pengajaran dan nasihat yang diselitkan dalam karya ini:

Pengajaran moral/nasihat	<i>...cukuplah Allah menjadi wakil (pelindung) kami yang sebaik-baiknya. Tiada daya upaya melainkan daya dan upaya kekuatan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar. (hlmn 311)</i>
--------------------------	--

Dengan berpegang kepada konsep pandangan semesta agama Islam iaitu keimanan, kekuasaan dan kemanusiaan sebagai tunjang kehidupan, segala matlamat kehidupan adalah memohon kepada penciptaNya dengan melakukan perkara-perkara yang baik dan mencegah perkara-perkara yang mungkar. Dengan pendekatan ini, persoalan dan tema dalam novel ini bukan sekadar untuk hiburan sahaja sebaliknya sebagai percambahan dan penerokaan ilmu juga dapat diperolehi dari karya sastera ini.

Pendekatan Firasat

Pendekatan ini bertanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Dalam konteks pengkaedahan Melayu, ia dikaitkan dengan mimpi kerana mimpi adalah satu pengalaman hidup manusia yang penuh misteri. Bagi masyarakat Melayu, ia dianggap bermakna kepada kehidupan, maka ia amat diberikan perhatian untuk dicari makna atau pengertiannya. Pencarian makna mimpi ini dikenali sebagai tadbir, iaitu proses menemukan maknanya menerusi tafsiran. Berdasarkan novel *Kasyaf Ain*, dapat dilihat pendekatan ini digunakan oleh pengarang seperti contoh data di bawah:

Firasat Mimpi	<i>"Aku tidak akan melepaskan kau, Syamel. Janjimu dah aku simpul mati kecuali aku yang mati. Kau janji nak mati sama-sama, kan sayang?" rintih Hanum Saskia. Bagaimanapun Hanum Saskia muncul dalam mimpinya dalam rupa bentuk seorang nenek tua. Rambut kekasihnya itu menggerbang kusut masai. Dalam igauannya, Syamel berusaha menjauhi jembalang itu namun makhluk itu terus mengejarnya tanpa terpisah. (hlmn 159)</i>
---------------	--

Mimpi digambarkan pada watak Syamel sebelum beliau mengetahui asal-usul dan latar belakang Hanum Saskia, wanita yang dicintainya. Apabila cuba ditaksir dan diperincikan mimpunya tersebut, ianya mempunyai kaitan dengan masa silam jurai keturunan antara pihak Syamel dan pihak Hanum Saskia yang berasal dari alam yang berbeza. Tafsiran mimpi ini memberikan implikasi bahawa sastera memiliki sifat-sifat tersurat dan tersirat. Sifat tersurat menjadi penanda atau alamat untuk memperoleh yang tersirat, iaitu penanda atau maknanya. Proses ini menyamai juga dengan apa yang berlaku dalam budaya masyarakat Melayu untuk mengenali kelakuan atau tabiat manusia (Che Abdullah Che Ya, 2018). Firasat juga menjadi

sebahagian dalam kehidupan masyarakat Melayu seperti yang ditonjolkan dalam data di bawah:

Firasat Tanda	<i>"Pak Bentara, siapa sebenarnya makhluk tu?" soal Mulia.</i> <i>"Kenapa kau tanya, Mulia?"</i> <i>"Err....sebab...Pak Bentara adalah sang petapa. Tentu ilmu firasat Pak Bentara lebih ampuh berbanding aku."</i> <i>Mulia sengaja merendah diri. Bentara diam barang sejenak. Mukanya tampak berkerut.</i> <i>(hlmn 231)</i>
---------------	---

Firasat turut dialami oleh Pak Bentara dalam mencari kebenaran mengenai makhluk yang sering mengganggu kehidupan mereka di Kampung Buana Senandung. Pentafsiran dilakukan melalui sifat tersurat dan tersirat bagi mencari alamat dan makna. Biasanya makna yang tersirat inilah yang menjadikan sesuatu hasil karya sastra benar-benar bermutu (Hashim Awang, 2002). Berdasarkan pendekatan firasat tersebut, dapat ditafsirkan bahawa makhluk yang sering mengganggu kedamaian kampung mereka adalah merujuk kepada manusia di dalam novel ini. Berdasarkan contoh-contoh data di atas, dapat dilihat pendekatan ini merupakan sebahagian nilai tradisi budaya masyarakat Melayu yang dimanifestasikan di dalam novel *Kasyaf Ain*. Kemisterian mimpi dan firasat terdapat dalam bentuk corak atau teknik penyampaiannya seperti pemerian sifat watak, aspek penceritaannya yang kompleks serta penggunaan bahasa yang berlapis dalam penulisan sesebuah karya.

(B) Pendekatan Keagamaan

Berdasarkan kepada tiga jenis pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

Pendekatan Dakwah

Karya sastra dianggap boleh menyampaikan persoalan-persoalan dan memaparkan sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian kekuasaan Allah. Sastra turut dijadikan sebagai 'kitab' untuk membantu insan mengenali dengan lebih dekat, khusyuk akan sifat dan diri Tuhan sehingga timbulnya peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan terhadap-Nya. Dalam novel *Kasyaf Ain* ini, dapat dilihat pengarang menggarapkan pendekatan dakwah ini melalui aspek watak dan perwatakan yang memberatkan dan menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan kebesaran Allah SWT dan Islam sebagai budaya peradaban masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat di dalam petikan di bawah:

Dakwah dari aspek watak dan perwatakan	<i>"Aku dan keluargaku...akan berhijrah," putus Mansur.</i> <i>Para kariah musala terperanjat mendengar kata-kata Mansur.</i> <i>"Aku lebih rela berhijrah daripada menumpahkan darah," Mansur tegas membuat keputusan. Hijrah itu lebih baik demi menjauhi kemungkaran.</i> <i>"Habis, kau sanggup tinggalkan orang-orang kampung dalam kesesatan?"</i> <i>"Biarlah aku berhijrah untuk sementara waktu. Apabila mempunyai kekuatan, aku akan datang semula. Kamu semua...terserahlah, sama ada hendak mengikuti jejak langkahku atau bertahan saja di kampung ni. Tapi ingat, walau apa pun yang berlaku, bertahanlah dalam agama Islam. Jangan sekali-kali gugur akidah. Teruslah</i>
--	---

<i>bertegas. Tiada TUHAN disembah melainkan ALLAH dan Nabi Muhammad tu adalah utusan ALLAH. Berapa lama pun, kebenaran tu pasti mengatasi kebatilan. Percayalah, yakinlah pada ALLAH.” Mansur memberi nasihat sebelum dia bersama keluarganya keluar dari kampung itu. Mansur seperti menyembunyikan kesedihannya. Padahal, dia antara marga yang bertungkus-lumus membangunkan kampung ini dengan keringat, cinta, doa serta tawakal. (hlmn 8)</i>

Berdasarkan petikan di atas, jelas memperlihatkan budaya saling ingat-mengingati dan nasihat-menasihati antara satu sama lain untuk memperbaiki kehidupan di dunia dan akhirat di antara watak Mansur dan penduduk kampung tersebut. Pendekatan dakwah ini dipaparkan menerusi watak Mansur, seorang imam musala kampung yang cuba menyakinkan dan membimbing penduduk kampungnya supaya membanteras kepercayaan karut dan khurafat serta memerangi kejahilan daripada terus melakukan upacara memberi makan seekor penunggu yang digelar Suaka. Perbuatan menyekutkan Allah dan percaya adanya kuasa lain selain Allah menjadi amalan tradisi dalam kalangan masyarakat di Kampung Lembah Beringin tersebut. Untuk mengajak masyarakat melakukan perkara makruf dan meninggalkan kemungkaran bukanlah sesuatu yang mudah. Apatah lagi sesuatu amalan atau kepercayaan itu menjadi warisan turun-temurun dan sudah sebatiji menjadi sebahagian di dalam kehidupan (Jumali Selamat, 2009). Oleh itu, untuk mencegah kemungkaran dan menekankan kepentingan nilai Islam yang berunsur kebenaran dan membawa pengajaran dalam kehidupan masyarakat dapat ditingkatkan melalui pendekatan pendakwaan seperti yang dipaparkan dalam novel ini.

Selain itu, nilai murni juga merupakan sebahagian budaya peradaban masyarakat Melayu. Nilai merupakan satu bentuk idea yang dikongsi bersama anggota masyarakat mengenai perkara yang dianggap betul dan baik (Norazlina M.Kiram, 2017). Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat nilai kasih sayang dalam perwatakan Mansur. Kasih sayang merupakan sifat belas kasihan dan sayang sama ada sesama manusia, haiwan atau alam persekitaran. Nilai kasih sayang merupakan perasaan yang mendalam dan berkekalan yang lahir daripada keikhlasan hati seseorang. Tindakan Mansur untuk keluar berhijrah bagi mengelakkan pertumpahan darah menggambarkan kesanggupannya yang berkorban meninggalkan orang-orang kampungnya adalah melebihi segala-galanya. Hal ini menunjukkan sifat mahmuddah Mansur yang sabar, pemaaf dan penyayang terhadap manusia lain boleh melahirkan individu yang bertanggungjawab, bersahsiah mulia dan seimbang personalitinya (Asmah Bee dan Iran, 1995). Nilai kasih sayang memperlihatkan hubungan yang terjalin antara manusia sesama manusia serta keluarga tidak akan putus walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan seperti kata pepatah ‘carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga’ atau ‘air dicincang tidak akan putus’. Pendekatan dakwah ini menegaskan nilai kasih sayang sebagai unsur keindahan dalam novel ini yang selari dengan etika Islam dan budaya peradaban masyarakat Melayu. Nilai murni yang diutarakan dalam novel ini harus dipupuk untuk mengeratkan hubungan manusia dengan orang lain, keluarga dan anggota masyarakatnya dan dijadikan ikutan dalam kehidupan.

Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan ini menekankan unsur kebaikan dan keadilan dalam masyarakat di dalam sesebuah karya sastera. Menerusi konteks ini, karya sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani mengenai permasalahan-permasalahan yang menjadi punca kepincangan dalam masyarakat dan keimanan insan. Di sebalik itu, pendekatan kemasyarakatan turut menghasilkan pelbagai persoalan yang berfungsi sebagai kawalan sosial,

mengandung nilai-nilai murni yang wajar diteladani dan diaplikasikan oleh masyarakat pembaca dalam kehidupan nyata. Manusia dalam kehidupan seharianya selalu dikaitkan dengan orang lain dan saling memerlukan antara satu sama lain. Garapan pendekatan kemasyarakatan dalam novel ini dapat dilihat menerusi penerapan nilai dan etika komunikasi sosial melalui proses sosialisasi. Dalam sesebuah masyarakat, terdapat interaksi sosial dan interaksi inilah yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Nilai budaya dalam hubungan masyarakat yang dipaparkan dalam novel *Kasyaf Ain* adalah musyawarah dan gotong-royong seperti petikan berikut:

Nilai-nilai kemasyarakatan	<i>Pada siang hari ini, imam musala kampung, Mansur berserta anaknya Adi, dibantu beberapa orang kariah masjid, mengumpulkan mayat-mayat mangsa. Satu lubang besar digali untuk dijadikan liang lahad. Mereka yang terbunuh disempurnakan menurut syariah agama Islam. (hlmn 6)</i>
	<i>Senandung lebih menjurus kepada kemakmuran. Kita, penduduk kampung ni mencintai kedamaian. Saling bermuafakat. Suka tolong-menolong. Lalu pembunuhan yang berlaku siang tadi merupakan cabaran getir untuk kita (hlmn 51-52)</i>

Kenyataan di atas menunjukkan adanya musyawarah yang diadakan oleh penduduk kampung. Musyawarah merupakan suatu perbincangan yang dilakukan untuk mendapatkan kesepakatan dan menyelesaikan suatu permasalahan atau untuk mengambil suatu keputusan. Lebih-lebih lagi jika permasalahan atau keputusan itu berhubungan dengan kelangsungan hidup masyarakat setempat dan berkaitan dengan pelanggaran etika norma atau hukum adat masyarakat setempat. Segala keputusan diserahkan kepada ketua yang dipercayai menjadi wakil suara masyarakatnya. Apapun keputusan yang telah diputuskan akan menjadi sesuatu yang tetap, harus ditaati, dan harus dilaksanakan. Nilai musyawarah dapat dilihat menerusi hubungan antara penduduk Kampung Lembah Beringin dalam novel ini ketika ditimpa musibah. Mereka bersepakat untuk menguruskan dan menyempurnakan mayat-mayat orang kampung yang terkorban apabila mempertahankan akidah mereka dari menyekutukan Allah.

Manakala amalan bergotong-royong menjadi budaya kehidupan masyarakat Melayu sehingga kini sebagai kelaziman dalam majlis kenduri-kendara, majlis perkahwinan, kematian dan sebagainya. Gotong-royong dapat memelihara keutuhan budaya masyarakat Melayu serta penerapan etika dalam komunikasi sosial seperti semangat kerjasama, perasaan kekitaan, saling menghormati, tolong-menolong dan pelbagai nilai positif yang perlu diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Bertepatan dengan kenyataan Mohd Rashid Md Idris (2011), dalam konteks sosial, nilai sememangnya menjadi sesuatu yang dekat dengan masyarakat Melayu. Nilai dan etika yang dipegang dalam konteks ini menjadi cerminan kepada masyarakat Melayu dan membentuk jati diri serta *world view* dalam interaksi dan kehidupan secara bermasyarakat. Pendekatan kemasyarakatan yang disampaikan oleh pengarang dalam novel ini berupaya membawa maklumat kepada masyarakat mengenai elemen budaya, nilai dan corak kehidupan tradisional masyarakat Melayu yang masih berkesinambungan sehingga kini.

Pendekatan Seni

Pendekatan seni digunakan untuk menilai aspek dalaman sesebuah karya sastra, iaitu menjadikan unsur dalam karya sastra sebagai persoalan pokok. Keindahan yang dimaksudkan

adalah keindahan yang terbatas kepada nilai-nilai etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam. Penilaian terhadap novel *Kasyaf Ain* ini dapat dilihat daripada segi gaya pemaparan dan pemilihan tema, watak, plot, sudut pandangan dan gaya bahasa. Melalui gaya bahasa yang tersendiri akan memperlihatkan jati diri pengarang dalam menyampaikan cerita. Hal ini kerana bahasa merupakan tulang belakang sesebuah karya yang berfungsi menjadikannya lebih menarik dan istimewa, sekaligus mengangkat martabat sesebuah karya. Gaya bahasa novel ini adalah penggunaan diksi iaitu dialek atau bahasa daerah seperti contoh data di bawah:

Seni Bahasa (Diksi)	<i>Terkapus-kapus dia mencari nyawa untuk mengharungi perjalanan. Dengan segala kudrat yang kian terhakis, gagah itu dikerahkan jua sedaya upaya.</i> (hlmn 195)
	<i>Bentara tersengih. Banyak giginya yang bertagar. Bentuk gigi Bentara pun kelihatan berbeza berbanding mereka yang bermukim di perkampungan itu.</i> (hlmn 239)

Penggunaan diksi *terkapus-kapus* dan *bertagar* merupakan sebahagian bahasa daerah yang digunakan dalam novel ini. Bahasa daerah berfungsi sebagai fokalisasi, iaitu membantu pembaca mengenal pasti perkara dan ungkapan yang terkandung di dalam novel ini. Selain itu, bahasa daerah turut berfungsi sebagai lokalisasi, iaitu unsur yang menunjukkan perbezaan tempat dan masa yang terdapat dalam karya tersebut (Haslina Haron & Adilah Zabir, 2018). Dalam novel ini, bahasa daerah yang digunakan banyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang ini sendiri yang menerima pengaruh Bahasa Melayu Brunei dan dialek-dialek Sabah. Bahasa Melayu Brunei turut diselitkan sebagai bahasa ilmu dan budaya masyarakat Melayu yang merupakan subkeluarga Nusantara yang dituturkan di kawasan Brunei, Labuan, sebahagian Sarawak dan Sabah. Kepelbagaian bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Melayu menjadi tali penghubung proses sosialisasi dalam kehidupan bermasyarakat.

Melalui pendekatan ini, budaya peradaban Melayu bukan sahaja dimanifestasikan melalui gaya bahasa, malahan perwatakan dan watak juga diaplikasikan menjelaskan budaya peradaban Melayu. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Hashim Awang yang menjelaskan bahawa keindahan mestilah berteraskan tauhid, iaitu menemukan segala-galanya untuk kemudiannya kembali kepada memperkukuhkan asas yang murni lagi suci iaitu keimanan, ketakwaan, dan kecintaan kepada Allah (Hashim Awang, 1994) seperti contoh data di bawah:

Seni Dakwah (Akhlak)	<i>"Allah mengampunkan dosa hamba-hamba-NYA dengan bersyarat, Liau Gantua. Pertama, bertaubat nasihalah. Berikrar takkan mengulangi kekhilafan sebelum ini. Kedua, tinggalkan syirik kerana Allah sekali-kali takkan mengampunkan hamba-hamba-NYA yang syirik, yang mencari sembah lain selain Allah." Mansur menjelaskan dengan penuh tertib.</i> (hlmn 222)
	<i>"Nampak gaya, dia dah lama tak solat, tak baca al-Quran anak awak ni," ujar Haji Taib lagi. Kesal diluahkan disebabkan anak mereka lebih mementingkan dunia berbanding akhirat. Tidak sukar menafsirkan wajah Syamel yang pudar nurnya. Sesiapa pun yang tidak mengerjakan</i>

	<i>solat fardu lima waktu mahupun membaca kitab suci al-Quran sudah pasti sukar mengendalikan sebarang amukan jiwa akibat gangguan manusia dan jin syaitan. Tegurannya ke atas anaknya memang pahit tapi teguran itu sangat perlu.</i> (hlmn 161)
--	--

Data di atas memaparkan manifestasi peradaban masyarakat Melayu yang bersendikan ajaran Islam meliputi keseluruhan kehidupan dari aspek akidah, syariah dan akhlak. Akhlak mahmuddah ditonjolkan melalui perwatakan Mansur dan Haji Taib dalam novel ini sebagai landasan penerapan nilai dan budaya kepada generasi muda, seperti perwatakan Syamel dan Adi serta pengetahuan pembaca amnya. Usaha menyemai nilai dan budaya dalam masyarakat ini sejajar dengan keperluan norma masyarakat untuk membentuk personaliti, sahsiah, dan jati diri yang menjadi amalan dalam kehidupan sejagat (Jumali, 2009).

Kesimpulan

Novel *Kasyaf Ain* sememangnya mengandungi budaya peradaban Melayu yang dapat dijadikan sebagai ilmu pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat umumnya, dan generasi muda khususnya. Budaya peradaban ini dapat dilihat daripada pelbagai aspek pendekatan yang ditonjolkan melalui Teori Pengkaedahan Melayu dan boleh dianggap sebagai medium intelektual dan praktikal masyarakat Melayu. Berdasarkan perbincangan mengenai teks novel *Kasyaf Ain* ini, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat kecenderungan penulis dalam menghasilkan karya novel dengan meneliti dan menghayati nilai kemasyarakatan yang terpengaruh dengan budaya lain yang telah berasimilasi ke dalam budaya Melayu di rantau ini. Malah masyarakat Melayu mudah menerima pengaruh tersebut kerana dasar keterbukaan yang diamalkan sejak dari zaman dahulu asalkan tidak mengganggu gugat dan bertentangan dengan ajaran Islam. Analisis kajian membuktikan bahawa novel *Kasyaf Ain* dapat menonjolkan tentang budaya peradaban Melayu yang dapat memberi pendidikan berkesan untuk memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat. Paparan permasalahan dan pergolakan masyarakat dalam karya juga dapat memberi keindahan, makna kesenian dan kebaikan. Bagaimanapun, keindahan tidak akan memberi sebarang erti jika tidak membawa kebaikan. Begitu juga sebaliknya, kebaikan tidak akan bermakna jika tidak memancarkan keindahan. Nilai keindahan dan kemaknaan setiap karya akan memancarkan keistimewaan apabila nilai dan unsur tersirat dan tersuratnya bermakna. Justeru, hal ini bertepatan seperti kata-kata Muhammad Haji Salleh (2008) bahawa sastera dianggap amat dasar dalam sesebuah masyarakat kerana selama ini sastera dianggap dan diisi sebagai wadah rohaniah, intelektual dan praktikal bagi sesebuah bangsa.

Rujukan

- Asmah Bee Mohd Noor & Iran Herman. (1995). *Membina kesejahteraan remaja*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Tekno Edar.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*.17 (2), 328-342.
- Elizabeth & Burns, T. (1973). *Sociology of literature and drama*. Middlesex: Penguin Education.
- Hadijah Johari, Nor Shahida M.Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2 (4), 1-11.

- Hashim Awang. (1994). Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian. *Dewan Sastera, Februari 1994*. 10-15.
- _____. (1994a). Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu. Pengarang, Teks dan Khalayak. Dlm. Sahlan Mohd Saman (pnyt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka*, Riviera Bay Resort, Melaka.
- Haslina Haron & Adilah Zabir. (2018). Penggunaan dialek dalam novel Seorang Tua di Kaki Gunung. *Jurnal Bahasa*, 18 (2), 286 – 318.
- Hassan Shadily. (1984). *Sosiologi untuk masyarakat Indonesia*. Indonesia: PT. Bina Aksara.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribu. *Jurnal Personalia Pelajar*. 12, 19-37.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Rofa Ismail. (2012). Ilmu Hikmah dalam Kajian Etnosains dan Etnomatematik Alam Melayu. In Rohani Ahmad Tarmizi. (Ed). *Etnomatematik & Etnosains di Alam Melayu: 14-53*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhamamad Haji Salleh. (2008). *Permata di rumput, Gilang sastera sebagai ruang bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadiah Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah. *Jurnal Dewan Bahasa*. 32 (1), 116-144.
- Nor Aini binti Hj. Ahmad. (1998). *Unsur-unsur tradisi lisan dalam drama-drama Noordin Hassan*. Tesis Bachelor Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan & Nik Norazira Abd. Aziz. (2022). Warisan Budaya Melayu Dalam Novel 'Kasyaf Ain'. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*. 7 (1), 145-160.
- Norazlina Mohd Kiram, Coretta Herliana Kura & Kamariah Kamarudin. (2017). Nilai Budaya dalam Novel Penulis ASEAN. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*. 4 (1), 1-16.
- Norazlina Mohd Kiram. (2009). Konsep Malu Orang Melayu dalam Novel Saga. Dlm *Penelitian Bahasa dan Budaya Melayu: Teori dan Aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Jurnal Persuratan Melayu*. 8 (2), 49-59.
- Pg Hj Yakup Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). Sajak-sajak Badarudin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu*. (2), 156-180.
- Ramlee Awang Murshid. (2018). *Kasyaf Ain*. Kuala Lumpur: RAM Typewriter Ventures.
- Ramli Isin. (1994). *Novel-Novel Melayu Mutakhir: Analisis Cerminan Nilai Budaya Bangsa. Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1997). *Novel Melayu Mutakhir: Tema dan Persoalan Karya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven. 2016. Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*. (1), 20-49.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2017). Fenomena sosial dalam novel Nenek karya Razali Endun. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. (8), 82-95.

- Sahlan M. Saman. (1999). *Tokoh dan Kecenderungan Kritikan Sastera Mutakhir*. Bangi: Persatuan Penulis Selangor.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman. Ilmu, Imajinasi & Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJEAL)*. (7), 47-63.
- Umar Junus. (1989). *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.